

MEMPERINGATI BICENTENNIAL SINGAPURA

Belia bentang sajian kreatif sejarah S'pura

Pesta 'The Future of Our Pasts' teroka kisah masa silam negara yang jarang didengar sebelum ini

SEJARAH tidak semestinya membosankan.

Demikian mesej yang ingin disampaikan penganjur pesta *The Future of Our Pasts* melalui 11 projek pelbagai disiplinnya yang meneroka kisah-kisah masa silam Singapura yang sebelum ini jarang didengar.

Pesta selama sebulan itu dikelola oleh Kolej Yale-NUS dengan sokongan Pejabat Bicentennial Singapura.

Ia menampilkan pemasangan interaktif teater, filem dan novel grafik.

Antara kegiatan lain yang disediakan termasuk *Sarong Party*, persembahan muzik yang mencerminkan warisan penjajah Singapura.

Orang ramai juga boleh menguji pengetahuan mereka mengenai masyarakat-masyarakat di Negeri-Negeri Selat, yang sebahagian dari sejarah Singapura, dengan menyertai 'Malam Trivia'.

Terdapat juga 'Malam Mainan Papan' (*board games*) yang mengajak para peserta 'bersaing' untuk menambat hati Temenggong dan menemui pelbagai khazanah sebagai 'pedagang' era 1800-an.

Filem dokumentari hasil karya pelajar Maktab Rendah Tampines sebelum maktab rendah itu digabungkan dengan maktab Rendah Meridian tahun ini, turut ditayangkan di pesta itu.

Bertajuk *Rojak Romance*,

filem itu mengisahkan kehidupan pasangan muda 'campur' — lelaki Malaysia berbangsa Ceylonese Tamil dan seorang wanita Amerika yang berbangsa Cina.

Pesta yang dibangunkan oleh sekumpulan seniman muda dan penggiat kebudayaan itu telah dilancarkan di The Projector di Golden Mile Tower baru-baru ini.

Ia telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung, yang berkata beliau telah mendekati presiden Yale-NUS, Profesor Tan Tai Yong, untuk mencari cara menggalak para belia terlibat dalam sejarah Singapura dengan menggunakan idea peribadi, segar dan kreatif.

Hasil idea mereka akan menjadi sebahagian daripada sambutan memperingati ulang tahun 200 tahun Singapura atau Bicentennial Singapura.

"Menerusi pesta ini, karyawan muda dapat mencipta sejarah yang senang dikaitkan dan mudah diperolehi. Ini adalah satu usaha yang penting ketika kita cuba berhubung dengan masa lalu, memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang sejarah kita dan lebih memahami jiwa bangsa dan rakyat kita," kata Encik Ong.

Prof Tan mengongsi bawahan undangan terbuka bagi mengemukakan pelbagai cadangan bagi pesta tersebut telah pun bermula pada 2017.

Cadangan yang terpilih dan disokong pihak penganjur ad-



alah projek belia yang meneroka naratif sejarah Singapura yang dekat pada diri mereka.

Mereka yang dipilih kemudian diberikan tempoh 18 bulan untuk menghasilkan projek mereka.

Prof Tan berkata: "Sebagai ahli sejarah, saya faham bahawa subjek pengajian saya sering dilihat terlalu berpendidikan tinggi, berdasarkan pada buku teks dan mungkin 'membosankan'.

"Terus terang, ia sememangnya mencabar untuk orang ramai mendekati naratif sejarah kebangsaan yang meluas pada tahap peribadi namun pesta *Future of Our Pasts* bermatlamat untuk merubah tanggapan itu mengenai sejarah."

Projek lain yang turut dihasilkan sempena pesta tersebut termasuk senaskah majalah *Meantime* yang menampilkan koleksi kisah cinta serta gambar-gambar lama yang dipetik pada era tahun 1950-an hingga 1970-an.

Pesta *Future of Our Pasts* telah bermula dan akan berlangsung sehingga 17 Mac.

Layari www.futureofourpasts.com bagi mendapat maklumat lebih terperinci mengenai kegiatan yang diadakan.



SEMARAK SEJARAH SINGAPURA: Pesta 'Future of Our Pasts' yang dilancarkan di The Projector menarik hasil karya belia untuk terlibat dalam sambutan sempena ulang tahun 200 tahun Singapura. — Foto-foto ZAObAO

HUBUNGI SEJARAH MELALUI BELIA: Encik Ong (kanan) bersama seorang pelajar yang membentangkan hasil ciptaannya di pesta 'Future of Our Pasts'.